

TARIKH	24 / 9 / 2013	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	47	RUANGAN	Global

Khemah kekal di Arafah

Binaan mampu tempatkan kira-kira tujuh juta jemaah haji

AFP

Makkah

Pihak berkuasa Arab Saudi sedang menjalankan kajian untuk membina khemah kekal kalis api di padang Arafah.

Pengurus Projek Kementerian Majlis Perbandaran dan Hal Ehwal Luar Bandar, Saud bin Hamdan Al-Dikri berkata, khemah itu dirancang dibina selaras dengan reka bentuk Terminal Haji

Lapangan Terbang Antara bangsa Raja Abdul Aziz dan ia mampu menempatkan kira-kira tujuh juta jemaah.

Sehubungan itu, kata Saud, pihak atasan sudah meluluskan pembinaan dua terowong pejalan kaki yang menghubungkan Jambatan Jamrah dengan bahagian utara Masjidil Haram di Makkah.

Ini akan memudahkan pergerakan jemaah antara Mina dan Makkah.

"Ada cadangan untuk meluluskan pembinaan khemah kekal untuk meningkatkan kapasiti di Arafah sebanyak 71 peratus, sekali gus untuk membolehkan seramai tujuh juta jemaah haji menggunakan kemudahan itu," katanya.

Menurut Saud, projek itu jika dilaksana akan meliputi kawasan seluas lapan juta meter persegi.

Dalam pada itu, beliau juga berkata, beberapa langkah sudah diambil untuk mengelak kejadian berse-sak-sak di stesen Kereta Api Mashaer bagi memastikan kejadian musim haji tahun lalu tidak berulang.

Makkah: Pejabat Majlis Hal Ehwal Dua Masjid Suci berkata, dua tingkat di bangunan tambahan dekat Masjidil Haram akan dibuka kepada jemaah pada musim haji tahun ini.

"Tingkat bawah dan tingkat satu bangunan tambahan Raja Abdullah dan halaman sekelilingnya sedia dibuka untuk dijadikan ruang solat pada musim haji ini. Ia bakal dihubungkan ke jalan raya dan stesen pengangkutan awam di semua arah," kata pejabat itu dalam satu kenyataan disiarkan Agensi Berita Saudi.

Ketua Pengarah projek Abdulmuhsin Humaid berkata, kerja pembinaan fasa pertama projek pembesaran di mataf (kawasan tawaf) akan siap tidak lama lagi.

2 tingkat baru Masjidil Haram dibuka musim haji

Menurutnya, apabila fasa pertama selesai, seramai 70,000 jemaah boleh menggunakanannya setiap jam.

Abdulmuhsin berkata, fasa pertama penting bukan saja kerana mempunyai kawasan terbesar, tetapi juga menambah keserasian jemaah dengan ruang mataf lebih luas hingga 51 meter berhampiran masaa (tempat sa'i) di tingkat pertama.

Abdulmuhsin berkata, tingkat bawah kawasan sementara mataf akan dihubungkan dengan tingkat bawah laluan masaa.

Pergerakan jemaah di tingkat bawah juga akan

diperkemas bagi memastikan kelancarannya di antara ruangan pembesaran yang pertama dan fasa pertama mataf di semua tingkat.

Abdulmuhsin berkata, kerja binaan dipertingkat bagi menyiapkan jambatan di hajaman selatan yang akan menggandakan ruang untuk kelancaran pergerakan jemaah.

Sementara itu, katanya, empat kompleks bilik rehat yang bermula dari Hotel Dar Al-Tawheed di utara hingga ke lokasi bekas Hospital Ajayad di selatan juga akan disiapkan menjelang musim haji ini. - Agensi